



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



SIJIL SERVIS KENDERAAN RINGAN STUDENT HANDBOOK



KOLEJ KOMUNITI JEMPOL
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SENARAI KANDUNGAN

Coretan Pengarah	3
Maklumat Kolej Komuniti Jempol	4
Visi dan Misi	5
Matlamat Pendidikan dan Organisasi	6
Pengurusan Tertinggi	7
Pensyarah Program	8
Fasiliti Kolej	9
Maklumat Program	10
Latar Belakang Program	11
Objektif Pengajian Pengajian (PEO)	12
Hasil Pembelajaran Program (PLO).....	13
Struktur Program	14
Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE)	15
Penilaian Pelajar	16
Kemudahan Sokongan Pelajar	17
Aktiviti Pelajar	18

CORETAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Illahi, kerana atas limpah dan kurniaNya *student's handbook* ini berjaya dihasilkan atas kerjasama staf Program SKR Kolej Komuniti Jempol dalam memberikan informasi mengenai program SKR dan perkhidmatan yang Kolej Komuniti Jempol tawarkan.

Student's handbook ini merupakan buku panduan kepada semua pelajar khas untuk Program SKR dalam mengakses maklumat pembelajaran di Kolej Komuniti Jempol. Ia memuatkan semua informasi penting dalam satu buku yang boleh dikongsi bersama dan dicapai dengan mudah.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam menyiapkan buku ini.

Semoga penghasilan *student's handbook* ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada pelajar Prpgram SKR di kolej ini, malahan turut menjadi sumber rujukan kepada mereka yang ingin tahu berkenaan program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Jempol terutama bidang elektrik.

Syabas dan tahniah kepada semua pelajar kerana bergelar siswa dan siswi Kolej Komuniti Jempol. Harapan saya, semoga anda semua bakal menjadi graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara suatu hari nanti, Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

**TN HJ AMRI BIN ABDULLAH
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI JEMPOL**

MAKLUMAT KOLEJ KOMUNITI JEMPOL

Kolej Komuniti Jempol adalah sebuah daripada institusi pendidikan awam yang terletak di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Kolej Komuniti Jempol telah mula beroperasi di Taman Industri Mahsan, Bahau, Negeri Sembilan sejak tahun 2002 lagi. Kolej ini menawarkan Program Teknologi Elektrik, Sijil Teknologi Senibina dan Sijil Servis Kenderaan Ringan.

Selaras dengan sasaran penubuhan Kolej Komuniti Jempol ini, maka bertambahlah institusi yang bertanggungjawab mendidik pelajar-pelajar lepasan menengah yang mempunyai minat dalam bidang yang berasaskan kemahiran. Selain daripada melatih pelajar-pelajar lepasan SPM, Kolej Komuniti Jempol juga memberi peluang kepada penduduk setempat untuk menambahkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang berasaskan kemahiran dan ilmu terkini.

Kolej Komuniti Jempol ditubuhkan untuk memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir. Bagi golongan setempat pula, kolej ini berperanan memberi pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus pendek yang ditawarkan. Lulusan Kolej Komuniti Jempol berpeluang untuk mengisi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang-bidang kemahiran yang berkaitan atau membuka perniagaan sendiri.

Maklumat Perhubungan :

Kolej Komuniti Jempol
Taman Industri Mahsan,
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
No. Telefon : 06-4540075
No. Faks : 06-4540344

VISI

MENJADI PENERAJU INSTITUSI
TVET YANG UNGGUL

MISI

1. MENYEDIAKAN AKSES YANG MELUAS KEPADA PROGRAM TVET YANG BERKUALITI DAN DIIKTIRAF
2. MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
3. MELAHIRKAN GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG
4. MEMANFAATKAN SEPENUHNYA PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

MATLAMAT PENDIDIKAN

Menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara.



MATLAMAT ORGANISASI

- Menghasilkan graduan TVET yang diyakini dan menjadi rebutan majikan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara
- Mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program pengajian di institusi untuk memenuhi keperluan industri
- Mentafsirkan warga sejagat kearah keharmonian serta kemakmuran global

PENGURUSAN TERTINGGI KOLEJ KOMUNITI JEMPOL

PENGARAH



AMRI BIN ABDULLAH

TIMBALAN PENGARAH
AKADEMIK



NOOR AZIAH BINTI ABDUL AZIZ

TIMBALAN PENGARAH
PENGURUSAN



KHAIRUL ASHRAF BIN MUHAMMAD

PENSYARAH PROGRAM SIJIL SERVIS KENDERAAN RINGAN



AZHAR BIN SHARIF
KETUA PROGRAM



MOHD NORDIN BIN MARZUNI
PENOLONG KETUA PROGRAM



NURUL HAFIFI BIN AHMAD



NORASHIMAH BINTI UJANG



MOHD RIZAL BIN KARIM



AZLAN BIN ALIAS



MOHD FADHIL BIN MUSA



MOHD SAIFUL SOBRIE BIN SELAMAT



AZLI BIN AHMED



NORHISHAM BIN MD SAAD



SHAIFUL BAHARIN BIN MAZLAN

FASILITI KOLEJ

BIL	FASILITI	KAPASITI
1	Perpustakaan dan Pusat Sumber	20 Pelajar
2	Bengkel Automotif 1	30 Pelajar
3	Bengkel Automotif 2	30 Pelajar
4	Bilik Kuliah Automotif 1	30 Pelajar
5	Bilik Kuliah Automotif 2	30 Pelajar
6	Makmal Bahasa	30 Pelajar
7	Ruang Sosial Pelajar	200 Pelajar



MAKLUMAT PROGRAM

Bahasa Pengantar

Bahasa Melayu

Mod Pengajian

Sepenuh Masa

Syarat Kemasukan

Warganegara

Tempoh Pengajian

Warganegara

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia

Kalender Akademik

1 Semester – 6 Bulan

Latihan Industri

16 Minggu – 8 Kredit (Semester Akhir)

Jumlah Kredit Bergraduat

60 Kredit



LATARBELAKANG PROGRAM

Program Sijil Seivis Kenderaan Ringan adalah merupakan program yang digubal bagi memastikan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang servis kenderaan. Pelajar bukan sahaja berpeluang mendapatkan pengetahuan teori tetapi juga latihan amali. Program ini menawarkan modul teras dalam bidang Automotif seperti Pengendalian Bengkel, Servis Asas Kenderaan Ringan, Selenggara Roda, Selenggara Brek, Selenggara Sistem Stering, Rombak Rawat Transmisi Manual dan Automatik, Analisa Kerosakan Enjin, Penyelenggaraan Sistem Pengurusan Enjin, Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Kenderaan, dan juga Rombak Rawat Enjin Berbilang Silinder. Selain itu, pelajar juga turut ditawarkan kursus berkaitan dengan modul wajib yang mana akan membekalkan pelajar dengan kemahiran insaniah dan pembelajaran secara sendiri melalui tugas dan projek. Lulusan daripada program ini akan bersedia bagi menyahut cabaran dunia sebenar dalam bidang Automotif bagi menjayakan Dasar Automotif Negara seiring dengan revolusi industri 4.0.

PROSPEK KERJA

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran menservis kenderaan ringan untuk diimplimentasikan dalam bidang Automotif. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini, membolehkan pelajar memulakan kerjaya seperti:

1. Mekanik
2. Juruteknik servis kenderaan
3. Penasihat servis (*Service Advisor*)
4. Pengusaha bengkel servis
5. Pengusaha bengkel tayar
6. Pengusaha bengkel elektrik dan aksesori automotif



OBJEKTIF
PROGRAM
PENGAJIAN

PEO

PROGRAMME
EDUCATIONAL
OBJECTIVES

Objektif Pendidikan Program Kolej Komuniti adalah untuk menghasilkan graduan dan tenaga kerja yang:

1

Menghasilkan **tenaga kerja dan usahawan** yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat Negara.

2

Menunjukkan **kebolehan penyelesaian masalah** secara inovatif, kreatif serta **mengurus maklumat** dengan baik melalui pendekatan **pembelajaran sepanjang hayat**.

3

Mempunyai **kemahiran berkomunikasi** dengan berkesan dan **bekerjasama dengan kumpulan** berasaskan etika kerja serta **tanggungjawab sosial**.

PLO

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

PROGRAMME LEARNING OUTCOMES



1

Mengaplikasi pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang yang berkaitan

2

Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah.

3

Menunjukkan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasi prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan.

4

Menunjukkan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi.

5

Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum.

6

Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.

7

Menyedari kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.

8

Menunjukkan kemahiran pengurusan dan ciri-ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar.

STRUKTUR PROGRAM

KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

STRUKTUR PROGRAM

SIJIL SERVIS KENDERAAN RINGAN

KOD		KURSUS	KREDIT
SEMESTER 1			
MPU	1311	PENDIDIKAN ISLAM 1	1
MPU	1321	PENDIDIKAN MORAL 1	
MPU	1152	PENGAJIAN MALAYSIA 1	2
MPU	1411	KOKURIKULUM (KELAB)**	1
MPU	1421	KOKURIKULUM (SUKAN)**	
SKW	1102	APLIKASI KOMPUTER	2
SKR	1102	PENGENDALIAN BENGKEL	2
SKR	1202	PEMERIKSAAN SISTEM KENDERAAN	2
SKR	1302	SERVIS ASAS KENDERAAN	2
SKR	1402	SELENGGARA RODA	2
SKR	1503	SELENGGARA SISTEM BREK	3
JUMLAH KREDIT			17
SEMESTER 2			
MPU	1181	COMMUNICATIVE ENGLISH	1
MPU	1231	KEMAHIRAN INSANIAH	1
MPU	1331	PENDIDIKAN ISLAM 2	1
MPU	1341	PENDIDIKAN MORAL 2	
SSM	1022	MATEMATIK	2
SKR	2102	SELENGGARA SISTEM STERENG	2
SKR	2202	SELENGGARA SISTEM GANTUNGAN	2
SKR	2302	ROMBAK RAWAT SISTEM KLAC	2
SKR	2402	ROMBAK RAWAT UNIT PACUAN AKHIR	2
SKR	2502	ROMBAK RAWAT TRANSMISI MANUAL	2
SKR	2603	ROMBAK RAWAT TRANSMISI AUTOMATIK	3
JUMLAH KREDIT			18
SEMESTER 3			
MPU	1101	WORKPLACE ENGLISH	1
MPU	1222	KEUSAHAWANAN	2
SSM	1012	SAINS	2
SKR	3102	ANALISA KEROSAKAN ENJIN	2
SKR	3202	PENYELENGGARAAN SISTEM ELEKTRIK ENJIN	2
SKR	3302	PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMANAN UDARA KENDERAAN	2
SKR	3403	PENYELENGGARAAN SISTEM PENGURUSAN ENJIN	3
SKR	3503	ROMBAK RAWAT ENJIN	3
JUMLAH KREDIT			17
SEMESTER 4 (LATIHAN INDUSTRI)			
SLI	4018	LATIHAN INDUSTRI	8
JUMLAH KESELURUHAN KREDIT			60
** PILIH SATU SAHAJA			
* BAGI PELAJAR WARGANEGARA YANG TIDAK KREDIT BAHASA MELAYU SPM WAJIB MENGAMBIL KURSUS MPU 1212 BAHASA KEBANGSAAN A.			

*Semakan Februari 2018 (Mulaiambilan Jun 2018)

© Hak Cipta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OBE)


Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE)

OBE merupakan pendekatan pembelajaran yang menekankan kepada hasil pembelajaran, bukan sahaja kepada proses pembelajaran. Ia melibatkan rekabentuk kurikulum, penyampaian, penilaian dan amalan pelaporan dalam pendidikan, untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran.



OBE melibatkan amalan pendokumenan hasil pembelajaran yang dirancang, aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kaedah penaksiran bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran bermakna kepada pelajar

Strategi Pelaksanaan OBE melalui kitaran PDCA



PENILAIAN PELAJAR

1. Penilaian

- a. Pelajar hendaklah menduduki atau melaksanakan semua aktiviti - aktiviti Pentaksiran Berterusan (PB) bagi semua kursus yang diikuti berdasarkan keperluan kurikulum.
- b. Pelajar LULUS penilaian sesuatu Kursus jika memperoleh markah MINIMA 40 Markah (Lulus) atau gred D iaitu Nilai Mata 1.00.
- c. Struktur penilaian Program Sijil secara umumnya adalah Pentaksiran Berterusan (100%).

2. Gred

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal

KEMUDAHAN SOKONGAN PELAJAR

1. Capaian internet (WIFI)
2. Surau Lelaki / Perempuan
3. Pengangkutan (atas permintaan)
4. Bantuan kewangan (bagi yang layak)
5. Perlindungan Insuran dan Takaful
6. Perkhidmatan Kesihatan
7. Penginapan Pelajar
8. Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya
9. Sukan, Kokurikulum Dan Kebudayaan

AKTIVITI PELAJAR



PENGHARGAAN

PENGARAH
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN
KAKITANGAN AKADEMIK DAN STAF SOKONGAN
SERTA PELAJAR-PELAJAR SIJIL SERVIS KENDERAAN RINGAN
KOLEJ KOMUNITI JEMPOL

SIDANG REDAKSI

MOHD NORDIN BIN MARZUNI
AZHAR BIN SHARIF

PROGRAM SERVIS KENDERAAN RINGAN
KOLEJ KOMUNITI JEMPOL 2021